

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : USTAZ DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 3.11.2015 (SELASA)**

**USTAZ DATUK DR.MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI  
[ KUALA NERUS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan  
Kementerian bagi mengekang trend kenaikan harga barangan  
khususnya pada musim perayaan serta alternatif yang dimiliki rakyat  
ketika berhadapan dengannya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) dilaksanakan ke atas beberapa jenis barang keperluan yang dikenal pasti sebagai barang harga terkawal musim perayaan untuk ditentukan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit bagi suatu tempoh tertentu. Skim ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan harga yang ditetapkan adalah berbeza mengikut kawasan dan daerah. Pelaksanaan **Skim ini dapat melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang ingin mengambil kesempatan menaikkan harga barangan utama semasa musim perayaan.** Skim Kawalan Harga Musim Perayaan dilaksanakan bagi **6 perayaan** utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan (Sabah Sahaja) dan Hari Gawai (Sarawak Sahaja).

Selain itu, sebagai alternatif Kerajaan juga telah menganjurkan "Kempen Penurunan Harga" sejak tahun 2008 hingga kini yang mana Kempen Penurunan Harga ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan kegunaan harian, terutamanya barang keperluan pada harga yang berpatutan. Bagi tahun 2015, kempen ini telah dilancarkan pada 1 Mac 2015 di mana sebanyak **1,036 cawangan pasaraya besar, pasaraya dan pasar mini di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak** mengambil bahagian dalam kempen ini dengan menawarkan diskaun harga barangan **sehingga 70% bagi 82,582 produk.**

Pada masa yang sama, Kerajaan meneruskan pelaksanaan **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak **170 kedai KR1M** telah beroperasi di seluruh Malaysia.